

16/10/2003

Orang Kuat Malaysia mahu tarik dua koc Komuter

KUALA LUMPUR: Orang Kuat Malaysia, V Rathakrishnan akan cuba memecahkan rekod Guinness Book of Records dengan menarik dua set koc KTM Komuter seberat 260 tan, sejauh 3.2 meter menggunakan giginya, Sabtu ini.

Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan YZ Alliance Sdn Bhd, Mohd Zamri Mohammad, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, akan menyaksikan cubaan itu di Platform 4 Stesen Keretapi Kuala Lumpur pada jam 10 pagi.

"Rathakrishnan akan cuba memecahkan rekod dunia yang dipegang oleh rakyat Belgium, Walter Arfeuille sejak akhir 1960-an dengan menarik enam koc kereta api seberat 200.8 tan sejauh 3.2 meter," katanya pada majlis perasmian logo karnival bertemakan Semangat Malaysia Perkasa sempena cubaan Rathakrishnan di sini, semalam.

Mohd Zamri berkata, pelbagai aktiviti akan diadakan sempena karnival itu termasuk acara kebudayaan, demonstrasi seni mempertahankan diri dan pertandingan angkat berat selama dua hari sehingga jam 11 malam Ahad ini di tempat letak kereta Platform 4.

Sementara itu, Rathakrishnan yang juga dikenali sebagai `raja gigi' yakin dapat memecahkan rekod berkenaan memandangkan beliau sudah berlatih sejak 13 bulan lalu.

Bekas pengawal peribadi berusia 37 tahun itu berkata, beliau menjalani pelbagai latihan fizikal dan mental setiap hari termasuk latihan menarik koc KTM Komuter selama empat jam, tiga kali seminggu.

Katanya, rahsia beliau mengekalkan kekuatan gigi ialah tidak mengambil makanan pedas, minuman sejuk dan berkafein serta berjumpa doktor gigi empat bulan sekali.

Sebelum ini, Rathakrishnan pernah mencatat kejayaan menggunakan giginya mengangkat besi seberat 130 kilogram, menarik koc kereta api seberat 37.35 tan sejauh 8.3 meter dan menarik bas pelancong seberat 10.8 tan sejauh 5.12 meter.